

Ibrahim bin Al Harits. Kata Beliau, 'Isa bin Thalhah meriwayatkan kepadaku bahawa pada suatu hari dia mendengar Mu'awiah mengucapkan seperti apa yang diucapkan mu'azzin hingga ucapannya: "Wa asyhadu anna Muhammadar Rasulullah."¹¹⁶⁹

٦١٣ - حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ رَاهَوَيْهِ قَالَ حَدَّثَنَا وَهْبُ بْنُ جَرِيرٍ قَالَ حَدَّثَنَا هِشَامٌ عَنْ يَحْيَى نَحْوَهُ قَالَ يَحْيَى وَحَدَّثَنِي بَعْضُ إِخْوَانِنَا أَنَّهُ قَالَ لَمَّا قَالَ حَيٌّ عَلَى الصَّلَاةِ قَالَ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ وَقَالَ هَكَذَا سَمِعْنَا نَبِيَّكُمْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ

613- Ishaq bin Rahawaih meriwayatkan kepada kami, katanya: Wahab bin Jarir meriwayatkan kepada kami, katanya: Hisyam (ad-Dastawa'i) meriwayatkan kepada kami daripada Yahya (bin Abi Katsir) hadits yang sama mafhumnya dengan hadits sebelum ini.¹¹⁷⁰ Kata Yahya (bin Abi Katsir), seorang saudara kami¹¹⁷¹ menceritakan kepadaku

¹¹⁶⁹ Dhamir di dalam فقال kembali kepada Mu'aawiah. Dhamir pada مثله kembali kepada mu'azzin. Dan dhamir pada إلى قوله kembali kepada Mu'aawiah, bukan kepada mu'azzin. Kerana mu'azzin tidak bertasyahhud (mengucapkan) "Wa asyhadu anna Muhammadar Rasulullah" dengan ada haraf و di permulaannya. Dengan ada haraf و begitu, hanya disebutkan ketika mengucap dua kalimah syahadah di luar azan atau ketika bertasyahhud di dalam shalat. Adapun ketika azan, و tidak disebutkan. Demikianlah yang terdapat di dalam sekian banyak hadits tentang lafaz-lafaz azan. Antara bukti kenapa Saiyyidina Mu'aawiah menjawab tasyahhud kedua dengan menambahkan haraf و di permulaannya ialah hadits yang diriwayatkan oleh al-Humaidi (Abu Bakr 'Abdullah bin az-Zubair bin 'Isa bin 'Ubaidillah al-Qurasyi al-Asadi al-Humaidi al-Makki m.219H) berikut:

حَدَّثَنَا الْحُمَيْدِيُّ قَالَ: ثنا سُفْيَانُ، قَالَ: ثنا طَلْحَةُ بْنُ يَحْيَى، عَنْ عَمْرِو بْنِ طَلْحَةَ، أَنَّهُ سَمِعَ مُعَاوِيَةَ بْنَ أَبِي سُفْيَانَ، يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَالَ الْمُؤَذِّنُ: اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، قَالَ: «اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ»، فَإِذَا قَالَ: أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، يَقُولُ: «وَأَنَا أَشْهَدُ»، وَإِذَا قَالَ: أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، قَالَ: «وَأَنَا أَشْهَدُ»، ثُمَّ يَسْكُتُ

Bermaksud: 'Isa bin Thalhah meriwayatkan, bahawa dia telah mendengar Mu'aawiah bin Abi Sufyan berkata, aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. berkata اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ apabila mu'azzin selesai mengucapkan اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ. Apabila mu'azzin mengucapkan لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, Baginda mengucapkan أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ (aku juga bersaksi). Dan apabila mu'azzin mengucapkan مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ, Baginda mengucapkan وَأَنَا أَشْهَدُ (aku juga bersaksi). Kemudian beliau diam. (Al-Humaidi-Musnad al-Humaidi j.1 m/s 512).

Hadits ini jelas menunjukkan mu'azzin tidak menyebut haraf و sebelum tasyahhud kedua. Nabi s.a.w. pula ketika menjawabnya menyebutkan haraf itu. Agaknya itulah sandaran Mu'aawiah dalam menambahkan haraf و ketika menjawab tasyahhud kedua.

¹¹⁷⁰ Tujuan Bukhari meriwayatkan hadits 613 dengan sanadnya itu adalah untuk menyatakan beberapa perkara berikut: (a) Oleh kerana Yahya seorang mudallis, dan di dalam hadits 612 sebelum ini, beliau telah mengemukakan riwayatnya secara 'an'anah daripada Muhammad bin

bahawa apabila mu'azzin mengucapkan, 'Hayya 'Alash Shalah' (Marilah bershalat), Beliau (Mu'aawiah) mengucapkan, 'Laa Haula Wa laa Quwwata Illaa Billah' (Tidak ada daya dan upaya melainkan dengan izin dan pertolongan Allah). Kemudian Beliau (Mu'aawiah) berkata, "Demikianlah kami mendengar Nabi kamu mengucapkan."

٨- بَابُ الدُّعَاءِ عِنْدَ التَّدَاوُعِ

Ibrahim bin al-Harits, maka ada kemungkinannya beliau melakukan tadlis di situ. Beliau mungkin diragui tidak menerima hadits itu secara langsung daripadanya. Dengan mengemukakan riwayat daripada Muhammad bin Ibrahim bin al-Harits secara tahdits di dalam hadits 613 ini hilanglah syubhah tadlisnya. (b) Dengan mengemukakan hadits 613 sebagai mutaba'ah kepada hadits 612 sebelumnya, kita dapat mengetahui perincian bagi hadits 612 yang dikemukakan secara mukhtasar (ringkas) itu. (c) Kata al-Bukhari, ... قَالَ يَحْيَى وَحَدَّثَنِي... bukanlah suatu riwayat ta'liq yang berasingan. Ia bahkan muttashil (bersambung) dengan sanad Ishaq bin Rahawaih yang tersebut sebelum itu juga.

¹¹⁷¹ Siapakah yang dimaksudkan dengan seorang saudara kami di sini? Sesetengah 'ulama' mengatakan ia adalah al-Auza'i. Tetapi pendapat ini tidak dapat diterima oleh para muhadditsin, memandangkan al-Auza'i tidak sempat dengan zaman Saiyyidina Mu'aawiah. Beliau baru lahir pada tahun 88H, sedangkan Saiyyidina Mu'aawiah telah meninggal dunia pada tahun 59H. Kata Hafiz Ibnu Hajar, fikiran saya lebih kuat mengatakan ia adalah 'Alqamah bin Waqqaash jika Yahya (bin Abi Katsir) sempat dengannya. Kalau tidak, maka salah seorang daripada anak-anak 'Alqamah. Sama ada 'Abdullah atau 'Amar. Kerana 'Alqamah juga meriwayatkan hadits ini daripada Mu'aawiah selain daripada perawi Bukhari di atas, iaitu 'Isa bin Thalhah. Riwayat 'Alqamah dikemukakan oleh an-Nasaa'i dan Ibnu Khuzaimah. Perawi daripada 'Alqamah di dalam dua kitab itu adalah anaknya 'Abdullah. Nahsyal at-Tamimi juga ada meriwayatkan hadits itu daripada 'Alqamah. Riwayatnya dikemukakan oleh at-Thabaraani. Tetapi sanadnya lemah. Ibnu Khuzaimah juga mengemukakannya melalui satu lagi saluran sanad. Iaitu sanad Muhammad bin 'Amar bin 'Alqamah, daripada ayahnya daripada datuknya. Muslim mengemukakan hadits Saiyyidina 'Umar. Di dalamnya juga tersebut *حِطْلَيْنِ* (ucapan 'Hayya 'Alash Shalah' dan 'Hayya 'Alal Falaah', hendaklah dijawab dengan *حَوْلَةً*, iaitu dengan berkata, 'Laa Haula Wa Laa Quwwata Illaa Billah' (Tidak ada daya dan upaya melainkan dengan izin dan pertolongan Allah). Imam Bukhari tidak memasukan hadits 'Umar itu ke dalam Sahihnya kerana terdapat khilaf tentang maushul atau mursalnya. Imam Muslim pula tidak memasukan hadits Mu'aawiah ke dalam Sahihnya kerana riwayat Yahya daripada seorang yang mubham (tidak jelas siapa sebenarnya dia) tidak menepati syaratnya. Menurut Hafiz Ibnu Hajar, gabungan dua hadits daripada dua orang khalifah itu memberi satu kedudukan yang kuat kepadanya. Selain itu hadits-hadits yang turut mengandungi perkara yang sama juga diriwayatkan daripada Harits bin Naufal al-Hasyimi dan Abu Rafi'. Riwayat mereka berdua dikemukakan oleh at-Thabaraani. Riwayat tentang perkara yang sama juga ada dinukilkan daripada Anas. Riwayat Anas itu tersebut di dalam Musnad al-Bazzaar.

8- Bab Doa Sebaik Selesai Azan.¹¹⁷²

٦١٤ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَيَّاشٍ قَالَ حَدَّثَنَا شُعَيْبُ بْنُ أَبِي حَمْزَةَ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ الْمُنْكَدِرِ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ قَالَ حِينَ يَسْمَعُ النِّدَاءَ اللَّهُمَّ رَبِّ هَذِهِ الدَّعْوَةُ التَّامَّةُ وَالصَّلَاةُ الْقَائِمَةُ آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ وَابْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمُودًا الَّذِي وَعَدْتُهُ حَلَّتْ لَهُ شَفَاعَتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ

614- Ali bin 'Ayyasy (al-Himshi m.219)¹¹⁷³ meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'aib bin Abi Hamzah meriwayatkan kepada kami daripada Muhammad al-Munkadir

¹¹⁷² Terjemahan yang diberikan ini adalah berdasarkan mudhaf yang ditaqdirkan selepas perkataan عند. Taqdir tajuk bab di atas sepenuhnya ialah باب الدعاء عند تمام النداء (bab doa bila selesai azan). Perkataan تمام semestinya ditaqdirkan, sebab pendengar tidak dituntut berdoa ketika mu'azzin sedang melaungkan azan. Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini, al-Kashmiri dan hampir-hampir kesemua pensyarah Sahih Bukhari mentaqdirkan demikian. Kenapa Imam Bukhari tidak menggunakan perkataan بعد saja di tempat perkataan عند itu di dalam tajuk bab ini? Jawabnya ialah Imam Bukhari seringkali menjaga lafaz hadits yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. Untuk menjaga perkataan حين yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits 614 di bawahnyalah Bukhari memilih perkataan عند. Ini kerana perkataan itu paling hampir ma'nanya dengan perkataan حين. Adapun tempat sebenar doa itu maka selepas azan atau sebaik selesai azan. Hakikat ini dapat dilihat di dalam hadits yang diriwayatkan oleh Muslim dan lain-lain daripada 'Abdullah bin 'Amar bin al-Aash, bahawa beliau pernah mendengar Nabi s.a.w. bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ غُمَرٍ بْنِ الْغَاصِ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- يَقُولُ « إِذَا سَمِعْتُمُ الْمُؤَذِّنَ فَقُولُوا مِثْلَ مَا يَقُولُ ثُمَّ صَلُّوا عَلَى فَإِنَّهُ مَنْ صَلَّى عَلَى صَلَاةٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرًا ثُمَّ سَلُّوا اللَّهَ إِلَى الْوَسِيلَةِ فَإِنَّهَا مَنْزِلَةٌ فِي الْجَنَّةِ لَا تَنْبَغِي إِلَّا لِعَبْدٍ مِنْ عِبَادِ اللَّهِ وَأَرْجُو أَنْ أَكُونَ أَنَا هُوَ فَمَنْ سَأَلَ إِلَى الْوَسِيلَةِ حَلَّتْ لَهُ الشَّفَاعَةُ

Bermaksud: Apabila kamu mendengar mu'azzin melaungkan azan, maka ucapkanlah seperti yang diucapkannya. Kemudian berselawatlah kepadaku. Kerana sesiapa berselawat kepadaku sekali, Allah berselawat kepadanya sepuluh kali. Kemudian mohonlah kepada Allah Wasilah untukku. Ia adalah satu kedudukan di dalam syurga yang hanya akan diperolehi seorang hamba Allah sahaja. Dan aku berharap akulah orangnya. Sesiapa memohon Wasilah untukku, pastilah dia mendapat syafa'atku. (Hadits riwayat Muslim, Abu Daud, Nasaa'i, Ibnu Khuzaimah dan lain-lain).

¹¹⁷³ Beliau termasuk antara guru Bukhari yang tertua. Al-Jama'ah (pengarang-pengarang enam kitab utama hadits) tidak ada yang meriwayatkan secara langsung daripadanya selain al-Bukhari. Dalam meriwayatkan hadits daripada beliau, Bukhari berada setaraf dengan guru-gurunya seperti Ahmad, 'Ali bin al-Madini dan lain-lain. Ahmad dan 'Ali bin al-Madini turut meriwayatkan hadits ini daripada beliau. Imam Tirmizi mengatakan Syu'aib mutafarrid (bersendirian) dalam meriwayatkan hadits ini daripada Muhammad bin al-Munkadir. Tetapi tafarrudnya tidak menjejaskan hadits, kerana Muhammad bin al-Munkadir mempunyai mutaabi' yang turut meriwayatkan hadits ini daripada Jabir. Mutaba'ah itu dikemukakan oleh at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Ausathnya melalui saruran riwayat Abu az-Zubair daripada Jabir hadits yang sama ma'na dan mafhumnya dengan hadits 614 di atas.

daripada Jabir bin `Abdillah, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Barangsiapa berdoa¹¹⁷⁴ setelah mendengar azan: *اللَّهُمَّ رَبِّ هَذِهِ الدَّعْوَةُ التَّامَّةُ وَالصَّلَاةُ الْقَائِمَةُ أَتَى مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ وَابْعَثْهُ مَقَامًا* (Ya Allah, Tuhan seruan yang sempurna ini,¹¹⁷⁵ dan shalat yang akan didirikan, kurniakanlah Wasilah dan keutamaan¹¹⁷⁶ kepada Muhammad. Bangkitkanlah dia pada kedudukan yang terpuji¹¹⁷⁷ yang Engkau telah janjikan),¹¹⁷⁸ maka pastilah ia mendapat syafa`atku pada hari kiamat.”¹¹⁷⁹

¹¹⁷⁴ Menurut jumhur `ulama`, doa ini hanya mustahab (elok) dibaca. Tetapi mengikut kebanyakan `ulama` Hanafiyyah dan Ibnu Wahab dari kalangan Malikiyyah, ia wajib dibaca selepas mendengar azan. Imam at-Thahaawi bagaimanapun sependapat dengan jumhur `ulama` dalam masalah ini. Hafiz Ibnu Hajar, Maulana Anwar Shah Kashmiri dan lain-lain ada menyebutkan bahawa Rasulullah s.a.w. sama sekali tidak memerlukan dan bergantung kepada doa umatnya untuk meningkatkan darjatnya dan menaikkan maqamnya di sisi Allah. Doa itu sebenarnya diajar supaya dibaca seseorang yang mendengar azan untuk meningkatkan dirinya sendiri. Ia merupakan satu sarana dan peluang yang diberikan kepada umat untuk mendapat kelayakan menerima syafa`at Nabi di hari kiamat nanti.

¹¹⁷⁵ Maksud seruan yang sempurna ialah seruan tauhid atau seruan Islam yang berlandaskan dua kalimah syahadah. Atau seruan azan itu sendiri semua sekali. Sebabnya seruan itu disifatkan dengan sempurna ialah kerana syirik yang merupakan lawan tauhid itu adalah satu kekurangan. Mungkin juga kerana ia tidak akan berubah hingga ke hari kiamat. Menurut Ibnu at-Tin, sebabnya seruan itu disifatkan dengan sempurna ialah kerana di dalamnya terkandung satu ucapan dan ajaran yang paling sempurna, iaitu ucapan لا إله إلا الله. Ucapan itulah merupakan asas utama ajaran Islam.

¹¹⁷⁶ Hadits riwayat Muslim daripada `Abdillah bin `Amar bin al-`Aash yang dikemukakan di dalam nota 1172 sebelum ini menjelaskan ma`na al-Wasilah. Ia adalah satu kedudukan di dalam syurga yang hanya akan diperolehi seorang hamba Allah sahaja. Nabi s.a.w. berharap Beliaulah orangnya. Itulah sebaik-baik tafsiran bagi Wasilah yang tersebut di dalam hadits yang sedang dibicarakan sekarang. Kerana ia adalah tafsiran Rasulullah s.a.w. sendiri. Riwayat Abu Hurairah di dalam Musnad al-Bazaar juga menyebutkan tafsiran yang sama. Ma`na umum perkataan *الفضيلة* ialah keutamaan. Tetapi para `ulama` juga ada mengemukakan beberapa ma`na lain untuknya. (a) Ia merupakan tafsiran bagi perkataan *الْوَسِيلَةَ* yang tersebut sebelumnya. (b) Ia juga merupakan satu kedudukan istimewa di dalam syurga seperti *الْوَسِيلَةَ*. (c) Satu darjat atau pahala yang mengatasi segala darjat dan pahala yang diperolehi orang-orang lain.

¹¹⁷⁷ Perkataan *مقامًا* di sini manshub sebagai dzaraf atau sebagai maf`ul bagi *fi`il* amar sebelumnya iaitu *ابْعَثْهُ*. Perkataan *ابْعَثْهُ* pula dipakai dengan ma`na *أَعْطَهُ*. Ia boleh juga dii`rab sebagai hal. Taqdirnya: *ابْعَثْهُ ذَا مَقَامٍ مَحْمُودٍ*. Maqam Mahmud adalah suatu posisi yang sangat tinggi, di mana orang yang berada pada posisi itu adalah seorang yang sangat terpuji dan disanjung tinggi, kerana telah melakukan kerja-kerja besar dalam kehidupannya. Menurut an-Nawawi, ia dikemukakan dalam bentuk nakirah, kerana al-Qur`an juga telah menggunakannya dalam bentuk nakirah. Allah berfirman:

وَمِنَ الْأَنْبِيَاءِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَّكَ عَسَى أَنْ يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا ﴿٢٨﴾

Bermaksud: Bangunlah pada sebahagian dari waktu malam, dan bersembahyang tahajjudlah padanya, sebagai suatu ibadah tambahan bagimu; sesungguhnya Tuhanmu akan mengangkat dan menempatkanmu di tempat yang terpuji. (al-Israa':79).

Bagaimanapun di dalam riwayat an-Nasaa'i daripada Syeikh Bukhari yang sama, iaitu 'Ali bin 'Ayyaasy perkataan ini dikemukakan dalam bentuk ma'rifah. Di dalam riwayat Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan, at-Thahaawi, al-Baihaqi dan at-Tabaraani juga ia diriwayatkan dalam bentuk ma'rifah.

¹¹⁷⁸ Di dalam riwayat al-Baihaqi terdapat sambungan begini seterusnya: *إنك لا تخلف الميعاد* (Sesungguhnya Engkau tidak memungkir janji). Menurut Maulana Anwar Shah al-Kashmiri, di dalam Sahih Bukhari nuskah Karimah binti al-Ahmar juga terdapat tambahan ini. Di manakah letaknya janji Tuhan kepada Nabi kita Muhammad untuk mengangkat dan menempatkan Beliau di tempat yang terpuji itu? Jawabnya ialah di dalam ayat 79 Surah al-Israa' yang telah dikemukakan sebentar tadi. Perkataan *لَعَلَّ عسى* dan sebagainya apabila dikaitkan dengan Allah menunjukkan kepastian dan keyakinan seperti sesuatu yang dijanjikan OlehNya. Ia tidak lagi mengandungi erti ketidakpastian dan harapan semata-mata. Dilihat dari sudut I'rab, perkataan *الذي* dan apa yang tersebut selepasnya boleh dikira sebagai badal, 'athaf bayan atau khabar kepada *mubta'* yang mahzuf. Ia tidak boleh menjadi sifat, kerana perkataan sebelumnya adalah nakirah. Kalau mengambil kira riwayat yang menyebutnya sebagai ma'rifah (*المقام المحمود*), maka bolehlah ia dii'rab sebagai sifat. Tetapi ada juga Ahli Nahu yang berpendapat, dalam keadaan nakirah sekalipun, *الذي* yang terletak selepasnya itu boleh dii'rab sebagai sifat, kerana nakirah itu adalah nakirah yang telah ditakhsiskan. Al-Akhfasy adalah antara tokoh Nahu yang disebut-sebut berpendapat demikian.

¹¹⁷⁹ Bahagian akhir hadits ini menunjukkan di akhirat nanti Nabi kita Muhammad s.a.w. akan diberikan penghormatan yang sangat tinggi apabila Baginda dapat memberikan syafa'at kepada umatnya sesuai dengan keadaan mereka. Itulah yang dinamakan 'Syafa'at Kubra'. Ada orang yang diampunkan dosa-dosa besarnya dengan syafa'at Baginda. Ada yang dimasukkan ke dalam syurga tanpa hisab dan ada juga yang dinaikkan darjat setinggi-tingginya dengan syafa'at Baginda itu. Antara orang yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. pasti akan mendapat syafa'atnya nanti ialah orang yang berdoa dengan doa yang tersebut di dalam hadits 614 ini sebaik selesai mendengar azan.

Menurut Maulana Muhammad Anwar Shah al-Kashmiri, menadah tangan ketika berdoa dengan doa yang tersebut di dalam hadits ini tidak tsabit daripada Rasulullah s.a.w. Untuk keadaan-keadaan yang khusus seperti ini anda tidak sepatutnya berdalil dengan hadits-hadits umum yang menyebutkan Baginda s.a.w. ada menadah tangan ketika berdoa. Selain itu, anda hendaklah berdoa dengan lafaz-lafaz doa yang benar-benar dinukilkan dan tsabit daripada Rasulullah s.a.w. Janganlah anda memandai-mandai menokok tambah apa yang ma'tsur daripada Nabi s.a.w. Tidak mengapa menambahkan *إنك لا تخلف الميعاد* (Sesungguhnya Engkau tidak memungkir janji). Kerana ia tsabit berdasarkan riwayat al-Baihaqi dan ia juga ada di dalam Sahih Bukhari nuskah Karimah. Tambahan *والدرجة العالية الرفيعة* tidak tsabit di dalam hadits-hadits. Oleh itu ia tidak perlu ditambah. Salah satu prinsip yang perlu dijaga ketika mengamalkan kalimat ma'tsurah berupa doa, zikir dan sebagainya ialah tidak mengubahnya daripada bentuknya yang asal.